

# Silang budaya FKSW antara Malaysia dan Indonesia

UB 7.3.2019 B2

KOTA KINABALU: Persembahan Silang Budaya Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan (FKSW) berlangsung pada 20 Februari lalu di Dewan Resital, Universiti Malaysia Sabah (UMS) bersama pelajar dari Universitas Sebelas Maret, Indonesia (UNS).

Seramai 19 orang pelajar UNS berada di UMS bagi menonjolkan budaya negara mereka kepada para pelajar UMS dalam mengongsikan keunikan budaya Indonesia.

Program ini dirasmikan oleh Timbalan Dekan FKSW Dr. Mohammad Puad Bebit.

Persembahan silang budaya FKSW di antara UMS dan UNS diadakan untuk mewujudkan kerjasama yang

unggul serta menonjolkan bakat dan kemahiran seni bagi kedua-dua negara dalam kalangan mahasiswa.

Program silang budaya FKSW adalah titik penting menjalankan kerjasama bagi kedua-dua pihak universiti untuk memajukan dan mempertingkatkan bidang akademik.

Melalui silang budaya FKSW mampu memperkenalkan budaya negara masing-masing supaya sesuatu budaya tidak pupus oleh arus globalisasi kini.

Ini disambut baik oleh

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin dalam mengukuhkan kerjasama di samping mengekalkan budaya kita agar

terus berkesinambungan dan dikenali di mata dunia.

Dalam persembahan Silang Budaya FKSW 2019 juga dihadiri wakil daripada UNS iaitu Prof. Dr. Slamet Subiyantoro, M.SI, Guru Besar, Bidang Pendidikan Bahasa dan Seni Rupa, Universitas Sebelas Maret, dan Iman Imanuddin Siregar, perwakilan dari Konsulat Jeneral Republik Indonesia.

Persembahan Silang Budaya FKSW terdiri daripada tarian tradisional, nyanyian dan permainan tradisional bagi kedua-dua negara.

Antara jenis tarian tradisional yang dipersembahkan adalah Exotic Borneo dan Zapin Rujuk Rindu yang menonjolkan budaya

negara Malaysia manakala tarian Sajojo adalah tarian etnik Papua Indonesia.

Selain itu, UMS juga menampilkan nyanyian tradisional Malaysia iaitu Pitongkidazan, Awas Dong Dengar dan Sumandak Sabah manakala UNS mempersembahkan koir, puisi muzik dan lagu Sahabat daripada animasi Upin dan Ipin.

Disamping itu, permainan rakyat yang dimainkan oleh UNS dalam persembahan Silang Budaya FKSW adalah Padhang Wulan, Yamko Rambo Yamko dan Culakculak Suweng. Persembahan yang ditampilkan menarik dan menghiburkan para hadirin yang hadir di Dewan



**SESI bergambar bersama pelajar UMS dan UNS.**

Resital UMS.

Melalui persembahan Silang Budaya FKSW merupakan satu bentuk komunikasi silang budaya yang menyampaikan pelbagai mesej kepada tetamu yang hadir dalam bentuk

persembahan kesenian budaya bagi kedua-dua belah negara.

Persembahan Silang Budaya FKSW 2019 ini satu platform yang baik bagi mengukuhkan kerjasama antara kedua-

dua universiti dan memberi peluang kepada siswa dalam mengeratkan silaturahim melalui perkongsian idea dan pengalaman dalam pelbagai bidang dan juga membantu menjayakan pementasan seni kebudayaan negara Malaysia dan Indonesia.